

0703

U 8204 AAB
MAHATHIR - EKONOMI

I

KUALA LUMPUR, 4 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER DAN DASAR-DASAR YANG REALISTIK BAGI MENARIK PELABUR ASING MENJADIKAN NEGARA INI SEBAGAI PANGKALAN MEREKA UNTUK MELANCARKAN GERAKAN PEMASARAN DI NEGARA-NEGARA PINGGIR PASIFIK, TERUTAMA ASEAN, CHINA DAN JEPUN YANG DIANGGAP SEBAGAI PASARAN YANG MEWAH.

GABUNGAN BAHAN MENTAH, TENAGA BURUH, TENAGA KUASA, INFRASTRUKTUR, DASAR-DASAR KERAJAAN YANG REALISTIK DAN GALAKAN YANG MENARIK YANG DISEDIAKAN KEPADA PELABUR MENCUKUPI MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH PANGKALAN GERAKAN PEMASARAN YANG BERKESAN, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN-KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT KUMPULAN PERUNDING SEKTOR SUASTA MALAYSIA-AMERIKA SYARIKAT, DI SINI HARI INI.

KUMPULAN ITU DITUBUHKAN UNTUK MEMBANTU MENINGKATKAN HUBUNGAN PERSAHAEATAN DAN MENGGALAKKAN HUBUNGAN EKONOMI YANG LEBIH BAIK ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

DENGAN KEHADIRAN TEKNOLOGI YANG TINGGI, JARAK DAN SEMPADAN NEGARA TIDAK LAGI MENJADI HALANGAN UNTUK MENGGERAKKAN SESUATU PERNIAGAAN, DAN SEHUBUNGAN DENGAN ITU DEKAD 90-AN AKAN MENJANJIKAN PERTANDINGAN YANG HEBAT, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD. -- LAGI
1308MST 04 11 89

U 8205 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

BELXAU BERKATA, +TIDAK DIRAGUKAN BAHAWA PENYELARASAN PERLU DILAKUKAN SUPAYA DAPAT TERUS BERSAING. GARIS PANDUAN UNTUK TERUS BERDAYA MAJU AKAN DIUBAH+.

SYARIKAT-SYARIKAT INI, KATANYA PERLU MENAMPILKAN DIRI DALAM PASARAN YANG UTAMA, TERUTAMA AMERIKA UTARA, EROPAH BARAT DAN NEGARA-NEGARA DI PINGGIR PASIFIK.

+STRATEGI BARU BAGI MENJALANKAN PERNIAGAAN DALAM DEKAD 90-AN JUGA MENGHENDAKI SYARIKAT-SYARIKAT BERUSAHA LEBIH BERSUNGGUH-SUNGGUH DARIPADA MEMBUKA KILANG-KILANG DAN MENGENDALIKAN PERNIAGAAN DI NEGARA TEMPAT MEREKA MELABUR,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +MEREKA PERLU MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA MASYARAKAT DI NEGARA MEREKA-MELABUR DAN SENTIASA SENSITIF KEPADA KEPERLUAN DAN ASPIRASI MASYARAKAT SETEMPAT DAN NEGARA BERKENAAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERDAGANGAN DUNIA AKAN MEMBAUA FAEDAH KEPADA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA, DAN NEGARA INI AKAN MEMBERI SOKONGAN PENUH KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT BERTARAF DUNIA.

+DENGAN EKONOMI KAMI BERGANTUNG SEPENUHNYA KEPADA EKSPORT, MALAYSIA MENYEDARI PENTINGNYA UNTUK MENARIK SYARIKAT-SYARIKAT MELABUR DI NEGARA INI+, TAMBAH BELIAU -- BERNAMA
1326MST 04 11 89